



**KEUSAHAWANAN SOSIAL: KAJIAN
FENOMENOLOGI TERHADAP USAHAWAN OKU
BERJAYA ZON UTARA SEMENANJUNG,
MALAYSIA**

oleh

**NORHASYIKIN BINTI ROZALI
(1443311543)**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah Keusahawanan Sosial

**Fakulti Sains Gunaan dan Kemanusiaan
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

2021

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah S.W.T dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W kerana dengan berkat, keizinan rahmat dan restu-Nya, saya dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi syarat memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Keusahawanan Sosial. Saya amat bersyukur ke hadrat ilahi telah memberikan kekuatan, semangat dan kesabaran untuk menyiapkan tesis ini. Harapan mudah-mudahan hasil usaha ini dapat dijadikan sumber rujukan untuk kajian seterusnya untuk perkembangan ilmu Keusahawanan Sosial di Malaysia.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas kepada penyelia-penyelia tesis ini, iaitu Profesor Madya Dr. Shuhairimi Abdullah selaku penyelia utama tesis ini, Profesor Dr. Abu Bakar Hamed (Universiti Utara Malaysia) dan tidak dilupakan Profesor Madya Dr. Azizan Bahari selaku penyelia yang telah banyak membimbing dan memberi pandangan dan nasihat yang diberikan sepanjang tempoh penyeliaan tesis ini amat dihargai dan disanjung tinggi. Hanya Allah S.W.T. sahaja yang dapat membalasnya. Ucapan terima kasih juga kepada semua pemeriksa tesis, pensyarah dan kakitangan Fakulti Sains Gunaan dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Perlis, tidak dilupakan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (Putrajaya), Jabatan Tenaga Kerja Cawangan Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak yang telah memberi kebenaran dan kerjasama sepanjang kajian dijalankan.

Akhir sekali, ucapan terima kasih tidak terhingga dan istimewa buat suami tercinta Salman bin Basrin yang sentiasa merestui, memberi semangat motivasi, membantu dan memahami saya sepanjang proses menyiapkan tesis ini. Buat ibu, Puan Fahizah binti Ali terima kasih kerana banyak mendoakan serta berkorban untuk anak mu sehingga berjaya ke peringkat ini, serta Allahyarham Rozali bin Othman bapa yang telah kembali ke rahmatullah. Istimewa juga, buat anak-anak tersayang Shofiyatul Hanan binti Salman (9 tahun), Muzdahirotul Amani binti Salman (7 tahun), Faiqohtul Irfani binti Salman (5 tahun) dan Daniyatul Hanaa binti Salman (1 tahun) terima kasih kerana menjadi penguat semangat sepanjang menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan seluruh keluarga di Kedah dan Medan, Indonesia terima kasih atas titipan doa dan kata-kata semangat yang berterusan selama ini, serta tidak dilupakan sahabat-sahabat seperjuangan.

NORHASYIKIN BINTI ROZALI

144331543

Fakulti Sains Gunaan dan Kemanusiaan

Universiti Malaysia Perlis

SENARAI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENGAKUAN TESIS	Error! Bookmark not defined.
PENGHARGAAN	1
SENARAI KANDUNGAN	2
SENARAI JADUAL	6
SENARAI RAJAH	8
SENARAI SINGKATAN	10
ABSTRAK	1
ABSTRACT	1
BAB 1 : PENGENALAN	2
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Penyataan Masalah	10
1.3 Persoalan Kajian	16
1.4 Objektif Kajian	17
1.5 Signifikasi Kajian	18
1.6 Skop dan Batasan Kajian	19
1.7 Rumusan	20
BAB 2 : KAJIAN LITERATUR	22
2.1 Keusahawanan Sosial	22
2.1.1 Keusahawanan Sosial di Malaysia	24
2.1.2 Keusahawanan Sosial Orang Kurang Upaya (OKU)	26
2.2 Usahawan Orang Kurang Upaya	36

2.2.1	Perkerjaan: Senario dan Realiti Golongan OKU	41
2.2.2	Peranan Agensi-agensi Melalui Polisi, Akta dan Dasar Terhadap OKU di Malaysia	53
2.2.2.1	Polisi	55
2.2.2.2	Pendidikan, Latihan dan Kaunseling	57
2.2.2.3	Program Galakan Perniagaan, Bantuan Kewangan	60
2.2.2.4	Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	61
2.2.3	Usahawan Sosial OKU Berjaya dan Sumbangan	66
2.3	Kerangka Kerja Konseptual Kajian	68
2.4	Teori Asas Kajian	69
2.4.1	Teori Dimensi Sosial Keusahawan	70
2.4.2	Model Sosial Ketidakupayaan	72
2.5	Tema-tema	73
2.6	Rumusan	75
BAB 3 :	METODOLOGI	76
3.1	Reka Bentuk Kajian Kualitatif	76
3.2	Prosedur Persampelan	80
3.3	Pembinaan Protokol Temu Bual	85
3.4	Semakan Pakar	89
3.5	Kajian Rintis	91
3.6	Kerja Lapangan	92
3.6.1	Mendapatkan Kebenaran	93
3.6.2	Temu Bual	94
3.7	Transkrip Kajian	101
3.8	Analisis Data	102
3.8.1	Kondensasi Data	103

3.8.2	Paparan Data	105
3.8.3	Melakar dan Mengesahkan Kesimpulan	106
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	108
3.9.1	Kredibiliti	110
3.9.2	Kebolehpindahan	112
3.9.3	Kebolehsandaran	113
3.9.4	Kebolehsahan	113
3.10	Etika Penyelidikan	114
3.11	Rumusan	116
BAB 4 :	KEPUTUSAN	117
4.1	Latar Belakang Informan	117
4.2	Dapatan Kajian Fasa 1: Memulakan Perniagaan	120
4.2.1	Dorongan Memulakan Perniagaan	121
4.2.2	Situasi Memulakan Perniagaan	133
4.2.3	Halangan-halangan OKU Memulakan Perniagaan	138
4.3	Dapatan Kajian Fasa 2: Pengembangan Perniagaan	142
4.3.1	Sokongan Yang Diperlukan Untuk Mengembangkan Perniagaan Usahawan OKU	142
4.4	Dapatan Kajian Fasa 3: Matang atau Hasil	156
4.4.1	Ciri-Ciri Yang Dimiliki Oleh Usahawan OKU Berjaya Berdasarkan Persepektif Keusahawanan Sosial	156
4.4.1.1	Usahawan OKU Berjaya	158
4.4.1.2	Usahawan Sosial OKU Berjaya	166
4.4.2	Sumbangan Usahawan OKU Berjaya Terhadap Golongan OKU dan Masyarakat Berdasarkan Keusahawanan Sosial	172
4.4.3	Tema Baru Fasa Ketiga	178
4.4.3.1	Spiritual	178

4.4.3.2	Model Perniagaan	180
4.4.3.3	Model Keusahawanan Sosial OKU	184
4.5	Rumusan	189
BAB 5 :	KESIMPULAN	192
5.1	Ringkasan Dapatan Kajian	192
5.2	Perbincangan Kajian	194
5.2.1	Perbincangan Fasa Pertama Permulaan Perniagaan	194
5.2.2	Perbincangan Kajian Fasa Kedua Perkembangan Perniagaan	198
5.2.3	Perbincangan Kajian Fasa Ketiga Matang atau Hasil	203
5.3	Sumbangan Kajian	210
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	212
5.5	Kesimpulan	214
	RUJUKAN	216
	LAMPIRAN A	226
	LAMPIRAN B	233
	LAMPIRAN C	234
	LAMPIRAN D	235
	LAMPIRAN E	236
	LAMPIRAN F	241
	LAMPIRAN G	263
	SENARAI PENERBITAN	268

SENARAI JADUAL

MUKA SURAT

Jadual 1.1 Statistik Penerima Skim SBGP-OKU dan Jumlah Pekerja OKU yang Digaji Bagi Tahun 2007, 2008, 2009, 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 dan 2015	11
Jadual 1.2 Statistik Penerima Skim SBGP-OKU dan Jumlah Pekerja OKU yang Digaji Bagi Tahun 2016, 2017, 2018 dan 2019	12
Jadual 2.1 Keunikan dan Persamaan Antara Usahawan Berorientasikan Keuntungan dan Usahawan Sosial	31
Jadual 2.2 Kajian Lepas Yang Berkaitan Dengan Keusahawanan Sosial dan Orang Kurang Upaya	34
Jadual 2.3 Pendaftaran Orang Kurang Upaya Mengikut Negeri Sehingga 31 Januari 2021	44
Jadual 2.4 Jumlah Pendaftaran OKU mengikut tahun 2013-2021	44
Jadual 2.5 Kadar dan Pembahagian Pekerjaan OKU dan Normal	45
Jadual 2.6 Bilangan OKU Yang Bekerja Di Sektor Awam Ikt Kategori Ketidakupayaan Sehingga 31 Disember 2014	46
Jadual 2.7 Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022	60
Jadual 3.1 Ciri-ciri Pemilihan Informan Kaedah Persampelan Bertujuan	82
Jadual 3.2 Senarai Tema Awal	86
Jadual 3.3 Soalan Asas Temu Bual	87
Jadual 3.4 Profil Pakar Bagi Semakan Soalan Temu Bual	90
Jadual 3.5 Maklumat Temu Bual Yang Dijalankan	94

Jadual 4.1 Senarai Informan bagi Empat Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, dan Perak	119
Jadual 4.2 Senarai Informan bagi Pegawai JTKSM	120
Jadual 4.3 Kekerapan Elemen-elemen Dorongan Berdasarkan Negeri	122
Jadual 4.4 Elemen-Elemen Utama Dalam Dorongan Dalaman dan Dorongan Luaran	124
Jadual 4.5 Kekerapan Kod Elemen Situasi	134
Jadual 4.6 Senarai Agensi Memberi Sokongan Kepada Informan	144
Jadual 4.7 Senarai Pekerja Yang Diupah Oleh Informan	149
Jadual 4.8 Kekerapan Pengulangan Kod Ciri-ciri usahawan OKU Berjaya	158
Jadual 4.9 Informan dan Ciri-ciri Usahawan Sosial	167
Jadual 4.10 Perbandingan Kekerapan Kenyataan Informan Terhadap Sumbangan	174
Jadual 5.1 Hasil Dapatan Kajian Fasa Satu Permulaan Perniagaan	195
Jadual 5.2 Hasil Dapatan Kajian Fasa Kedua Perkembangan Perniagaan	198
Jadual 5.3 Hasil Dapatan Kajian Fasa Ketiga Matang atau Hasil	203

SENARAI RAJAH

MUKA SURAT

Rajah 2.1 Objektif Geran SBGP-OKU	63
Rajah 2.2 Prosedur Pemilihan Penerima Geran SBGP-OKU	65
Rajah 2.3 Kerangka Kerja Konseptual Kajian	69
Rajah 2.4 Adaptasi dari (Hamed, 2005), Pencetus kepada Keusahawanan dari Perspektif Sosiologi, <i>The Social Dimension of Entrepreneurship</i> Shapero & Sokol 1982.	71
Rajah 2.5 Model Sosial Ketidakupayaan (<i>Model Social Disability, Oliver, M 2013.</i>)	73
Rajah 2.6 Senarai Pra Penentuan Tema Kajian	74
Rajah 3.1 Adaptasi Smyth (2015), <i>Perjalanan Kajian Fenomenologi</i>	79
Rajah 3.2 <i>The Pattern of an Interview</i>	95
Rajah 4.1 Analisis Jaringan Berdasarkan Objektif Kajian Pertama (RO1)	122
Rajah 4.2 Hubungan kait Dorongan Dalaman dan Dorongan Luaran dengan Elemen-elemen	130
Rajah 4.3 Analisis Jaringan Berdasarkan Objektif Kajian Kedua (RO2)	134
Rajah 4.4 Hasil Temu Bual Berkaitan Halangan-halangan Menjadi Dan Usahawan	139
Rajah 4.5 Analisis Jaringan Berdasarkan Objektif Kajian Ketiga (RO3)	144
Rajah 4.6 Analisis Jaringan Berdasarkan Objektif Keempat (RO4)	157
Rajah 4.7 Ciri-ciri Usahawan Berjaya	162

Rajah 4.8 Analisis Jaringan Berdasarkan Objektif Kajian Kelima (RO5)	174
Rajah 4.9 Fasa Perubahan Usahawan Sosial OKU	185
Rajah 4.10 Gambaran Usahawan Sosial OKU Berjaya	186
Rajah 4.11 Model Usahawan Sosial OKU Berjaya	189

©This item is protected by original copyright

SENARAI SINGKATAN

CQDAS	Computer Assisted Qualitative Data Analysis
DEB	Dasar Ekonomi Baru
JTKSM	Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
JTK	Jabatan Tenaga Kerja
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KUPn	Kementerian Pembangunan Keusahawanan
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat
NGO	Non-Government Organization
OKU	Orang Kurang Upaya
SGBP- OKU	Skim Geran Bantuan Perniagaan OKU
WHO	World Health Organization

©This item is protected by original copyright

Keusahawanan Sosial: Kajian Fenomenologi Terhadap Usahawan OKU Berjaya Zon Utara Semenanjung, Malaysia

ABSTRAK

Isu pekerjaan dan pengangguran yang melibatkan golongan OKU merupakan salah satu isu global yang tidak hanya berlaku di Malaysia malah diseluruh dunia. Sehubungan itu, galakan kepada golongan ini untuk berkerja sendiri, berniaga dan menjadi usahawan sedang giat diusahakan. Terdapat banyak dapatan kajian lepas yang melihat bahawa melalui keusahawanan golongan OKU dapat dibantu dalam usaha menyelesaikan isu pekerjaan dan pengangguran. Namun begitu, dalam konteks keusahawanan sosial, masih banyak yang perlu diterokai. Kajian ini terdiri daripada lima objektif iaitu mengenalpasti dorongan yang dialami oleh usahawan OKU dalam usaha memulakan perniagaan. Objektif kedua, memahami situasi yang dialami oleh OKU dalam usaha memulakan perniagaan. Objektif ketiga, meneroka sokongan yang diterima oleh usahawan OKU untuk mengembangkan perniagaan. Manakala objektif keempat, meneroka ciri-ciri usahawan OKU berjaya berdasarkan kriteria usahawan sosial berjaya. Seterusnya objektif terakhir adalah meneroka keupayaan usahawan OKU dari sudut sumbangan terhadap golongan OKU dan masyarakat berdasarkan persepektif keusahawanan sosial. Kajian ini berbentuk kualitatif di mana seramai 10 informan terlibat. Pemilihan informan kajian menggunakan teknik persampelan bertujuan. Manakala, kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah temu bual semi struktur secara mendalam dan Atlast ti digunakan untuk menganalisis dapatan kajian yang diperolehi. Hasil analisis membuktikan bahawa terdapat elemen keusahawanan sosial dalam kalangan usahawan OKU kajian ini. Kajian ini juga mendapati bahawa usahawan sosial OKU berupaya memberikan impak yang lebih besar kepada golongan OKU dan masyarakat. Kajian mencadangkan supaya galakan dan pendedahan tentang bidang keusahawanan sosial dipromosikan dalam kalangan usahawan OKU melalui model yang dihasilkan daripada kajian ini iaitu Model Usahawan Sosial OKU.

Social Entrepreneurship: Phenomenological Study on Successful Physically Challenged Entrepreneurs in Northern Region of Malaysia

ABSTRACT

The issue of employment and unemployment involving the disabled is one of the global issues that not only occurs in Malaysia but all over the world. In this regard, encourage these people to work on their own, do business and become entrepreneurs are actively working. There are many findings of previous studies that see that through entrepreneurship the disabled can be helped in resolving employment and unemployment issues. However, in the context of social entrepreneurship there is still much that needs to be clarified. This study consists of five objectives. The first is to identify the encouragement experienced by entrepreneurs with disabilities in starting a business. The second objective is to understand the situation experienced by the disabled in trying to start a business. The third objective is to explore the support received by entrepreneurs with disability to grow their business. While the fourth objective, exploring the characteristics of successful entrepreneurs with disability based on the criteria of successful social entrepreneurs. Next, the final objective is to explore the ability of entrepreneurs disability in terms of contributions to the disabled and society based on social entrepreneurship perspectives. This study is qualitative in which a total of 10 informants are involved. The data collection methods used were semi-structured interviews. Atlas ti was used to analyze the study findings obtained. The results of the analysis prove that there is an element of social entrepreneurship among entrepreneurs with disabilities in this study. The study also found that social entrepreneurs with disabilities are able to have a greater impact on the disabled and the community. The study suggests that encouragement and exposure in the field of social entrepreneurship be promoted among entrepreneurs with disabilities through the model produced from this study, Social Entrepreneur with Disability Model.

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Perkembangan ilmu keusahawanan tidak terbatas dari segi konvensional, malah dunia Islam lebih awal membangunkan Keusahawanan Islam. Ajaran kitab suci Al-Quran sendiri telah mengajarkan umatnya tentang aktiviti keusahawanan ini agar mendapatkan sumber rezeki yang halal. Firman Allah:

Maksudnya, "... dan Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba ..." Terjemahan (Surah al-Baqarah 2:275)

Oleh itu, asas utama keusahawanan merupakan ibadah. Meskipun, kewujudan bidang keusahawanan ini membuka ruang ekonomi yang lebih pesat untuk mengaut keuntungan tetapi tidak sehingga menzalimi masyarakat. Menurut Shuhairimi (2014), keusahawanan perlu diaplikasikan melalui kerangka syarak yang mempunyai refleksi sifat dan nilai-nilai yang terpuji keperibadian Rasulullah SAW.

Kemunculan bidang keusahawanan merupakan salah satu perkembangan ilmu perniagaan. Hampir seluruh dunia sedar tentang kepentingan ilmu keusahawanan sebagai pemangkin ekonomi yang lebih positif. Pada awal abad ke-18, Richard Cantillon telah membangunkan teori awal usahawan sekitar tahun 1755 (Abdul Aziz et al., 2011). Awal abad ke-19 Jean Baptise Say telah mempopularkan teori Cantillon (Abdul Aziz et al., 2011). Setelah itu awal abad ke-20, seorang ahli ekonomi Joseph Schumpeter, melihat usahawan sebagai inovasi (Rosli et al., 2007). Seterusnya, bidang keusahawanan berkembang pesat melalui tokoh-tokoh ilmunan seperti David McClellan, Peter Ducker,

J.B. Rotter, Shapero, Carson, Israel Kirzner dan ramai lagi tokoh bidang keusahawanan (Rosli Mahmood et al., 2007).

Umumnya di Malaysia, perkembangan bidang keusahawanan berkembang pesat melalui peranan yang dimainkan oleh kerajaan bagi menggalakkan lebih ramai rakyat menceburi bidang keusahawanan. Agenda utama kerajaan sejak tahun 1971, melalui pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB). Dasar Pembangunan Negara (1990-2000) dan Wawasan 2020 merupakan inisiatif kerajaan untuk menggalakkan semua rakyat umumnya untuk terlibat dengan bidang keusahawanan. Selain itu, bagi memastikan pelaksanaan dasar-dasar yang melibatkan keusahawanan direalisasikan dengan jayanya. Pada tahun 1995, kerajaan telah menubuhkan Kementerian Pembangunan Usahawan sebagai badan yang mengawal dan mempromosikan pembangunan keusahawanan di Malaysia. Namun kini, ditukar kepada Kementerian Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi. Hal ini membuktikan, bahawa Malaysia tidak ketinggalan dalam usaha untuk mengembangkan bidang keusahawanan. Malah, sehingga kini pelbagai jabatan, agensi, malah NGO yang bergiat aktif dalam usaha untuk menggalakkan bidang keusahawanan.

Usahawan di Malaysia, terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan kategori bagi memudahkan kerajaan mengawal selia usahawan di Malaysia. Antara kategori ini adalah, usahawan, usahawan belia, usahawan wanita, dan usahawan OKU. Golongan ini, menceburi bidang ini asalnya untuk mendapatkan sumber pendapatan dan akhirnya berjaya sebagai usahawan (Renko et al., 2015). Kajian ini, melihat golongan usahawan OKU secara khusus bagi meneroka seluruh aspek yang mempengaruhi usahawan OKU. Walaupun terbukti, berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh (Pn. Eliana, Pegawai JTK Cawangan Perlis, Komunikasi Personal, Mac.21.2017), ramai yang gagal menjadi

usahawan walaupun setelah mendapatkan geran perniagaan tetapi masih ramai juga yang berjaya dan terus berniaga. Kenyataan ini turut disokong oleh (Gidron, 2014; Harris et al., 2013; Renko et al., 2015) tidak dinafikan ramai usahawan OKU yang gagal untuk terus berniaga namun ramai juga dalam kalangan OKU tetap berjaya sebagai seorang usahawan. Maka persoalannya, adakah kekurangan fizikal menjadi penghalang atau isu lain yang berkait?

Kecacatan adalah perihal yang merujuk kepada sesuatu keadaan, sifat yang kurang sempurna. Ini berlaku pada seseorang individu sama ada untuk tempoh tertentu ataupun kekal dalam kehidupan harian, keterbatasan untuk meningkatkan fungsi pergerakan, penglihatan, pendengaran, pertuturan dan sebagainya (Zinaida, 2006). *World Health Organization* (WHO) dan *World Bank* (2011), kecacatan tidak hanya merujuk kepada ciri-ciri tetap seperti kecacatan untuk keadaan sementara atau tetap tetapi melibatkan stereotaip terhadap OKU sebagai pengguna kerusi roda, buta sejak kecil ini membentuk persepsi awam dan membentuk pendekatan polisi terhadap OKU. Manakala, *WHO International Classification of Functioning, Disability and Health* (2008), mendefinisikan OKU sebagai kerosakan yang dialami dimana masalah fungsi atau struktur badan, limitasi kepada sebarang aktiviti, kesukaran untuk dilakukan oleh individu cacat terhadap tugas atau tindakan, dan penyertaan dalam kelompok masyarakat menjadi masalah kepada individu cacat dalam kehidupan harian.

Orang Kurang Upaya (OKU) merujuk kepada golongan yang mempunyai masalah fizikal yang membezakannya dengan yang lain. OKU dibahagikan kepada beberapa kategori antaranya Orang Kurang Upaya Fizikal, Orang Kurang Upaya Penglihatan, Orang Kurang Upaya Pendengaran, Orang Kurang Upaya Mental (Laporan

Piagam Pelanggan JKM Suku Tahun Pertama (Jan-Mac) Tahun 2015). OKU didefinisikan sebagai seseorang yang mempunyai kekurangan jangka panjang daripada segi fizikal, mental, intelektual atau deria apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan boleh menyekat penyertaan penuh dalam masyarakat (AKTA OKU, 2008). Manakala, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mendefiniskan Orang Kurang Upaya adalah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang terhadap fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halang ia akan menyekat penyertaan penuh dan memberi kesan kepada masyarakat (JKM, 2008). Menurut, Zinaida (2006) OKU adalah orang yang mengalami keterbatasan mobilitasi terhadap jenis kecacatan yang dialami seperti fizikal, mental, penglihatan dan pendengaran.

Secara global, isu yang sering mendapat perhatian dalam kalangan OKU adalah masalah yang melibatkan pekerjaan, pengangguran, kemiskinan, pendidikan, hak kesamarataan dan kesihatan (Ang, 2014; Arnidawati, 2013; Kamaruddin, 2007). Maka, isu yang sinonim dalam kalangan OKU adalah perihal yang bersangkutan dengan pekerjaan, masalah yang menjadi fokus adalah masalah pengangguran dalam kalangan OKU (Osman et al., 2014). Hal ini, membawa kepada masalah lain yang lebih kompleks iaitu kemiskinan (Arni Surwanti et al., 2018). Berdasarkan laporan yang dilakukan oleh WHO (2011), negara-negara membangun menyumbang kepada kadar kemiskinan yang masih tinggi. Dengan kata lain, ramai dalam golongan pekerja OKU menerima jumlah pendapatan yang masih rendah jika dibandingkan dengan pekerja normal.

Golongan ini juga merupakan satu asset bagi sesebuah negara apabila keupayaan mereka digunakan secara optimum bakal menjadi sumber produktif yang menyumbang kepada peningkatan ekonomi untuk sesebuah negara (Gidron, 2014; Harris et al., 2014).

Kebanyakan negara menerima keadaan ini seperti biasa apabila kadar pekerja OKU masih rendah, malah tidak semua negara mengambil berat dalam merekod atau mendokumentasikan golongan minoriti ini (WHO, 2011). Sedangkan, hal ini sangat penting bagi memastikan golongan ini tidak ketinggalan dan mendapat perhatian yang sewajarnya. Malah, tinjauan terkini yang dilakukan oleh WHO (2021), yang menggariskan beberapa halangan utama golongan ini, menunjukkan salah satu daripadanya adalah halangan kewangan dimana setengah dari 1 billion OKU di dunia mempunyai pendapatan yang rendah sehingga tidak berkemampuan untuk mendapatkan kemudahan kesihatan.

Oleh itu, tidak hairan jika masih ramai di antara OKU yang tidak terlepas dari isu atau masalah pengangguran dan masalah pekerjaan. Hak kesamaratan dalam peluang pekerjaan telah diperhalusi dalam undang-undang bagi memastikan peluang mendapatkan pekerjaan lebih terjamin bagi golongan ini. Menurut Hirwan (2017), menjelaskan golongan OKU di Malaysia mendapat perlindungan yang sepatutnya melalui undang-undang, akta mahupun dasar yang melibatkan hak kesamarataan untuk mendapatkan pekerjaan. Selain itu, berdasarkan laporan WHO (2011), jelas membuktikan bahawa undang-undang yang mewujudkan kesamarataan peluang pekerjaan dan menghalang diskriminasi terhadap golongan ini. Situasi ini, dilihat kurang berjaya dan tidak efektif dalam usaha untuk melindungi hak OKU (Ta et al., 2013). Lebih mengecewakan, kerana ianya tidak dilaksanakan serta tidak diambil berat oleh komuniti. Realiti yang berlaku di Malaysia, pertikaian terhadap perlaksanaan undang-undang dan akta digubal juga dipersoalkan dalam usaha menjaga kebajikan golongan OKU (Ang, 2014; Arnidawati, 2013; Ta et al., 2013). Oleh itu, tidak hairan jika isu kesamarataan peluang pekerjaan tetap berlaku sama seperti negara-negara lain.

Selain itu, perihal ketidaksamarataan ini juga adalah berdasarkan halangan-halangan yang sukar untuk golongan ini mendapatkan pekerjaan seperti perspektif majikan (Ang, 2014; Blyden, 2005; Haslina, 2006; Suhaila, 2013) diskriminasi (Blanck et al., 2000; Boo et al., 2011) dan aksestabiliti (Blyden, 2005; Haslina, 2006; Rizal, 2010; Rosmawati, 2008; Sanmargaraja et al., 2011; Zinaida, 2006). Dari sudut global mahupun di Malaysia, perkara yang belaku ini menyulitkan lagi keadaan golongan OKU untuk mendapatkan pekerjaan.

Isu-isu lain juga, dilihat memainkan peranan sebagai penghalang utama yang cenderung mewujudkan perbezaan antara pekerja OKU dan normal, tidak hanya dari sudut fizikal malahan keperluan pekerja OKU (Ang, 2012; Haslina, 2006). Melihat dari pelbagai permasalahan yang timbul, golongan ini perlu diberi perhatian sewajarnya supaya dapat memberikan peluang untuk membangunkan keupayaan diri dan kebajikan mereka (Ang, 2012). Ini bakal menjadi suatu pembaziran jika kemampuan dan keupayaan mereka disia-siakan (Asiah, 2012; Norasmah, 2014; Zinaida, 2006). Sehubungan itu, pelbagai inisiatif telah dilaksana selain daripada perlaksanaan akta dan undang-undang. Antaranya, kerajaan telah mempergiatkan usaha melalui pendidikan, latihan vokasional, penempatan pekerjaan dan skim atau geran perniagaan.

Inisiatif-inisiatif ini adalah untuk membuka ruang pekerjaan kepada golongan OKU bagi membiasakan diri dengan alam pekerjaan. Malah kerajaan juga telah berusaha mencari alternatif lain bagi mengekang isu OKU tidak bekerja melalui galakan bekerja sendiri serta mengalakkan OKU untuk ceburi bidang keusahawanan, melalui pelbagai bantuan dan pendidikan serta pendedahan, Pelan Strategik 2013-2017 KPWK (2014). Maka, tidak hairan jika telah ada dalam kalangan OKU bergelar usahawan OKU berjaya.

Walaupun, jumlah individu usahawan masih rendah (Norasmah, 2014) dan permasalahan OKU tidak bekerja (Ang, 2012), pengangguran dan kemiskinan masih tetap berlaku.

Oleh itu, mewujudkan kesedaran dalam kalangan majikan bukan sesuatu yang boleh dianggap mudah (Norazah, 2015). Pendapat yang sama, diutarakan oleh Mohhairil Isaruddin et al. (2018) majikan perlulah membuka ruang dan peluang terhadap OKU, untuk tidak meletakkan persepsi negatif terhadap golongan OKU yang memohon pekerjaan. Sungguhpun begitu, ianya tidak bermakna OKU didiskriminasi dalam pekerjaan. Kebanyakan majikan kurang pengetahuan untuk memahami keperluan pekerja OKU dan sukar untuk memenuhi keperluan kemudahan infrastruktur mesra OKU kerana ianya melibatkan kos yang tinggi (Rosmawati, 2008; Suhaila, 2013). Justeru itu, sukar bagi OKU untuk mendapatkan pekerjaan jika tanpa kerjasama dari majikan. Kenyataan ini, disokong oleh beberapa kajian berkaitan OKU dan majikan (Rosmawati, 2008; Sarimah Ismail, 2014) lebih cenderung kepada hasil yang tidak positif antara OKU dan majikan. Antara dapatan kajian lain telah membuktikan bahawa terdapat masalah komunikasi dan majikan tidak berupaya untuk memahami pekerja OKU. Namun hal ini, bertentangan dengan kajian yang dijalankan oleh (Che Asniza et al., 2014) dimana peluang untuk majikan mengaji golongan OKU adalah sesuatu yang dilihat positif dan galakan terhadap majikan perlu dipertingkatkan agar lebih ramai majikan mengaji OKU untuk bekerja.

Disamping itu, inisiatif yang perlu dilaksanakan terhadap golongan ini bagi mendapatkan pekerjaan merupakan langkah yang baik untuk memastikan golongan ini tidak ketinggalan. Penglibatan secara langsung golongan OKU melalui perniagaan tidak hanya mengatasi masalah pengangguran dan kemiskinan dalam kalangan OKU malah

berpotensi memberi impak besar kepada masyarakat (Vaziri et al., 2014). Namun, tidak dapat dinafikan golongan ini amat sukar untuk memulakan sesebuah usaha perniagaan (Shaheen & Myhill, 2009), malah sukar untuk menjadi seorang usahawan berjaya. Cabaran ini, di sokong berdasarkan masalah kekurangan diri (Falch, 2012; Griffin-hammis, 2007) yang membataskan usaha niaga dan seterusnya menjadi seorang usahawan berjaya. Peranan agensi kerajaan dalam usaha membantu golongan ini dari peringkat memulakan perniagaan sehingga peringkat kejayaan amat perlu untuk diterokai secara mendalam.

Sungguhpun begitu, perkembangan bidang keusahawanan sosial sewajarnya di beri ruang untuk diterokai berdasarkan isu-isu permasalahan yang timbul dalam kalangan OKU. Ini adalah kerana, bidang ini berkeupayaan untuk meningkatkan taraf ekonomi dan juga secara tidak langsung memfokuskan matlamat sosial, dalam memberi nilai tambah kepada masalah sosial (Ney et al., 2014). Masalah sosial, dilihat sebagai suatu masalah yang tidak menguntungkan bahkan membebankan negara dan memberi impak yang sangat negatif terhadap keseluruhan struktur sesebuah negara. Tanpa disedari kewujudan bidang keusahawanan sosial bakal memberi landskap baharu terhadap cara kita melihat masalah sosial untuk ditangani dengan kreatif (Mair & Marti, 2006; Mair & Noboa, 2003) dan inovatif (Mair et al., 2006; Ney et al., 2014).

Maka, mengapa tidak keusahawanan sosial memainkan peranan penting dalam kalangan usahawan OKU berjaya bagi memastikan manfaat lebih proaktif dapat dijana dari sudut sumbangan usahawan OKU berjaya berdasarkan perspektif keusahawanan sosial. Memahami secara mendalam perihal ini, bakal memberi impak besar terhadap

golongan OKU dan secara khusus kepada usahawan OKU. Secara tidak langsung, akan dapat melahirkan usahawan sosial OKU di Malaysia amnya.

1.2 Penyataan Masalah

Perkembangan bidang keusahawanan sosial menggerak usahawan sosial untuk lebih peka terhadap permasalahan sosial dan menjadikan masalah sosial sebagai peluang untuk dimanfaatkan. Menurut Robinson (2012), keusahawanan sosial merupakan suatu proses mengenalpasti masalah sosial dan penyelesaian masalah untuk diselesaikan, melalui penilaian terhadap impak. Melihat sudut permasalahan golongan OKU, melalui usahawan OKU maka permasalahan golongan ini dapat diatasi tidak hanya berdasarkan bidang keusahawanan semata-mata malah boleh dikembangkan melalui bidang keusahawanan sosial.

Maka bagi menggalakkan usaha untuk melahirkan lebih ramai usahawan, kerajaan secara langsung telah menyediakan pelbagai bantuan, pendidikan, program-program keusahawanan dan sebagainya. Hal ini, tidak mengecualikan usahawan OKU untuk mendapatkan bantuan, malah golongan ini lebih banyak mendapat inisiatif bantuan khusus. Sebagai contoh, bantuan dari segi latihan dan kemahiran serta menyediakan bantuan kewangan untuk berniaga. Antaranya, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dimana terlibat secara langsung dengan OKU. Di bawah, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) golongan OKU yang berniaga dibantu untuk mengembangkan perniagaan. Berdasarkan Geran Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU), usahawan OKU dianggap berjaya

apabila berupaya mengembangkan perniagaan dan menggaji OKU lain untuk bekerja (Laporan Tahunan JTKSM, 2007).

Jadual 1.1 Statistik Penerima Skim SBGP-OKU dan Jumlah Pekerja OKU yang Digaji Bagi Tahun 2007, 2008, 2009, 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 dan 2015

Tahun	Peruntukkan (RM)	Bil. Usahawan OKU dibantu	Bil. Peluang Pekerjaan untuk OKU	Bil. Pekerja OKU digaji oleh Usahawan OKU
2007	2404000.00	63	229	170
2008	4638440.00	132	-	-
2009	5510916.00	134	-	-
2010	3446736.00	184	-	-
2011	3229078.00	122	-	-
2012	2999080.00	114	204	114
2013	199899.00	75	-	83
2014	998412.00	37	-	-
2015	997801.40	30	-	-

Sumber: Laporan Tahunan JTK Semenanjung Malaysia 2007, 2008, 2009, 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 dan 2015

Jadual di atas menunjukkan bilangan usahawan OKU yang dibantu adalah berdasarkan peruntukan yang disediakan setiap tahun bermula tahun 2007. Namun, jika dilihat bilangan usahawan OKU yang dibantu berkurang, dimana pada tahun 2012 seramai 114 orang dibantu manakala pada tahun 2013 seramai hanya 75 orang dibantu. Jumlah usahawan OKU yang dibantu makin berkurang pada tahun 2014 seramai 37 orang, pada tahun 2015 seramai 30 orang. Walaubagaimanapun, melalui bantuan yang disalurkan kepada usahawan OKU pada tahun 2012 bilangan pekerja OKU yang mendapat pekerjaan dan digaji meningkat. Melihat dari bilangan peluang pekerjaan yang disediakan untuk OKU bekerja adalah tinggi jika dibandingkan dengan pekerja OKU yang digaji. Ini memperlihatkan kesan positif terhadap peningkatan peluang pekerjaan dalam kalangan OKU melalui bidang keusahawanan yang diceburi oleh usahawan OKU.

Berdasarkan kenyataan baru Malaysia Gazette, yang disampaikan oleh Mahfuz Omar, Timbalan Menteri Sumber Manusia “Sebanyak 171 Orang Kurang Upaya (OKU) menerima Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU) yang melibatkan peruntukan sebanyak RM5,898,751.09 bagi tempoh antara tahun 2016 hingga tahun 2018.” Muhammad Arif Nizam (2019, Mac 23). Purata penerima geran sebanyak 57 orang usahawan bagi tiga tahun berturut-turut antara tahun 2016 sehingga tahun 2018 menunjukkan penerima geran yang kecil berbanding jumlah penerima geran antara tahun 2008 sehingga tahun 2013.

Jadual 1.2 Statistik Penerima Skim SBGP-OKU dan Jumlah Pekerja OKU yang Digaji Bagi Tahun 2016, 2017, 2018 dan 2019

Tahun	Peruntukkan (RM)	Bil. Usahawan OKU dibantu
2016	1999953.00	62
2017	1999953.25	50
2018	1902745.20	59
2019	1771003.53	50

Sumber: Laporan Tahunan JTK Semenanjung Malaysia 2016, 2017, 2018 dan 2019

Jadual 1.2 menunjukkan statistik penerima skim bagi tahunan 2016 sehingga 2019. Berdasarkan jadual tersebut memperlihatkan jumlah penerima geran SBGP-OKU adalah rendah jika di bandingkan penerima geran antara tahun 2008 sehingga tahun 2012 purata penerima bagi tahun-tahun tersebut seramai 137 orang penerima. Manakala, empat tahun kebelakangan ini purata penerima geran hanya seramai 55 orang sahaja. Pengurangan ini memberi kesan terhadap jumlah OKU menjadi usahawan OKU.

Keadaan ini membuktikan bukan mudah untuk berniaga bagi seorang OKU, ramai yang gagal untuk mengembangkan perniagaan malah gagal di peringkat permulaan perniagaan (Mwangi & Box, 2013). Menurut Campling et al., (2006) terdapat beberapa